

## **PELAKSANAAN PRAKTIKUM SISWA GURU IPG KAMPUS ILMU KHAS SEMASA PANDEMIK COVID-19 : CABARAN DAN CADANGAN**

IPG Kampus Ilmu Khas Student Teachers Implementation of Practicum During COVID-19  
Pandemic Challenges and Recommendations

*Zahiah Haris @ Harith, PhD, Maizatul Suraya Muhammad Nor, PhD,  
Salmah Salleh & Mustapha Kamal Ahmad Kassim, PhD  
Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur  
e-mel: zahiah@ipgkik.edu.my*

### **ABSTRAK**

*Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran siswa guru Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur (IPGKIK) menjalani praktikum semasa pandemik COVID-19 dan mengenal pasti cadangan siswa guru IPGKIK untuk memastikan praktikum semasa pandemik COVID-19 dapat dijalankan dengan baik. Kajian ini penting kepada Institut Pendidikan Guru (IPG) kerana dapat memberikan maklumat yang bermanfaat untuk mengatasi cabaran yang dihadapi oleh siswa guru semasa pandemik COVID-19 dan memastikan cadangan siswa guru agar perlaksanaan praktikum semasa pandemik COVID-19 dapat diambil perhatian oleh pihak berkaitan. Kajian ini melibatkan temu bual seramai tujuh orang siswa guru PISMP semester 7 ambilan Julai 2017. IPGKIK yang terdiri daripada tiga orang lelaki dan empat orang perempuan. Data dianalisis secara kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian kes. Kajian ini memberi fokus kepada dua objektif kajian iaitu cabaran dan cadangan siswa guru IPGKIK dalam perlaksanaan praktikum semasa COVID-19. Dapatan kajian ini mendapat tujuh cabaran siswa guru menjalani praktikum semasa pandemik COVID-19 iaitu capaian internet kurang memuaskan semasa pembelajaran dan pengajaran di rumah (PdPR), proses penyampaian pembelajaran yang kurang efektif, kesukaran komunikasi antara guru praktikum dengan murid, guru pembimbing, rakan sebaya, pensyarah dan ibu bapa, kesukaran mendapat respon murid semasa PdPR, perancangan dan aktiviti PdPR perlu sesuai dengan pandemik COVID-19, kesukaran mematuhi perintah kawalan pergerakan (PKP) dalam kalangan murid dan pelbagai cara perlaksanaan PdPR mengikut sekolah. Seterusnya terdapat lima cadangan siswa guru bagi memastikan praktikum semasa pandemik dapat dijalankan dengan baik iaitu penyediaan medium perantaraan antara siswa guru dengan murid melalui medium WhatsApp dan Telegram, hubungan kerjasama antara guru dan ibu bapa tentang pembelajaran murid, penilaian praktikum secara dalam talian, perlaksanaan penulisan rancangan pembelajaran harian dengan baik dan penyusunan semula jadual waktuharian sepanjang musim PKP.*

Kata Kunci: cadangan, cabaran, siswa guru, praktikum, COVID-19.

### **ABSTRACT**

*This study aims to identify the challenges of student teachers of the Institute of Teacher Education, Ilmu Khas Campus, Kuala Lumpur (IPGKIK) undergoing practicum during the COVID-19 pandemic and to recognise the recommendations given by the student teachers in ensuring that the practicum during the COVID-19 pandemic can be (implemented) conducted well (effectively). This study is important to the Institute of Teacher Education (IPG) because it can provide useful information to overcome the challenges faced by student teachers during the COVID-19 pandemic and to acknowledge the recommendations of student teachers so that the implementation of practicum during the COVID-19 pandemic can be taken into account by relevant parties. This study involved interviews of seven PISMP semester 7 student teachers of July 2017 intake consisting of three males and four females. Data were analyzed qualitatively using case study methods. This study focuses on two research objectives, the challenges and suggestions of IPGKIK student teachers in implementing practicum during*

*COVID-19. The findings of this study showed that there are seven challenges faced by student teachers undergoing practicum during the COVID-19 pandemic, namely unsatisfactory internet access during learning and teaching at home (PdPR), ineffective learning delivery process, communication difficulties between practicum teachers and students, cooperating teachers, peers, supervising lecturers and parents, difficulty in getting student response during PdPR, difficulty of PdPR planning and activities which are in line with the COVID-19 pandemic, difficulty in complying with movement control orders (PKP) among students and various ways of PdPR implementation by school. Next, there are five suggestions forwarded by student teachers to ensure that the practicum during the pandemic can be carried out well, namely the provision of an intermediary medium between student teachers and students through WhatsApp and telegram, better cooperation between teachers and parents on student learning, improved online practicum evaluation, implementation of good daily lesson planning and the reorganisation of daily timetable throughout in PKP season.*

Keywords: recommendations, challenges, student teachers, practicum, COVID-19.

## PENGENALAN

Praktikum atau dikenali sebagai latihan mengajar di sekolah merupakan salah satu proses yang perlu dilalui oleh pelajar yang memilih bidang perguruan sama ada di universiti awam (UA), Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan juga di Institut Pendidikan Guru (IPG). Pelaksanaan praktikum bagi ketiga-tiga institusi pengajian ini berbeza antara satu dengan lain misalnya, praktikum di peringkat UA telah menetapkan sekurang-kurangnya 10 jam kredit praktikum yang merangkumi Rancangan Orientasi Sekolah (ROS) dan 16 jam latihan mengajar serta menetapkan 8% hingga 10% jumlah jam kredit bagi program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) adalah melibatkan pelaksanaan praktikum (Abdullah, *et al.*, 2014).

Manakala, bagi IPTS sebagai contoh Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) pula menetapkan pelaksanaan praktikum akan dilalui oleh pelajar pendidikan selama 12 minggu dan bilangan waktu mengajar pula ditetapkan sebanyak 10 hingga 12 waktu bagi seminggu (Sabilan, *et al.*, 2015). Seterusnya, bagi IPG telah menetapkan pelajar-pelajar akan melalui praktikum sebanyak dua fasa iaitu praktikum fasa 1 semasa mereka berada di semester kelima dan praktikum fasa II pula disambung semasa mereka berada di semester tujuh (Institut Pendidikan Guru Malaysia, 2018; Salleh, 2016).

Tempoh pelaksanaan praktikum siswa guru di IPG adalah selama 12 minggu bagi kedua-dua praktikum iaitu praktikum fasa 1 dan praktikum fasa II yang menjadikan keseluruhan sebanyak 24 minggu yang wajib ditamatkan oleh mereka (Pusat Pembangunan Akademik, 2017). Melalui pelaksanaan praktikum ini, dapat memberi peluang kepada siswa guru untuk mengamalkan kemahiran, pengetahuan dan nilai seorang guru dalam situasi sebenar dan realistik dalam bilik darjah dan di sekolah melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Melalui pelaksanaan praktikum ini secara tidak langsung dapat mendidik bakal guru untuk menghayati dan menjadi guru sebenar, kerana menurut Ornstein dan Levine (1993) mereka yang profesional telah menguasai ilmu secara mendalam, pakar dalam sesuatu bidang yang diceburi dan tidak ada syak lagi bahawa guru tahu secara mendalam ilmu yang diajar serta mengetahui siapa pelajar mereka (A. Rashid, 2010).

### Konsep Praktikum di Institut Pendidikan Guru Kampus

Sepanjang siswa guru mengikuti program pengajian di peringkat IPG, mereka perlu mengikuti tiga kursus amalan profesional yang memperuntukkan sebanyak 16 jam kredit dan merupakan salah satu syarat untuk dianugerahkan ijazah perguruan. Siswa guru perlu mengikuti amalan profesional ini selama 31 minggu dengan praktikum dilaksanakan dalam tiga kaedah iaitu melalui Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS) yang dijalankan selama 3 minggu bagi setiap tiga fasa, praktikum yang dilaksanakan selama 24 minggu dengan 12 kredit dan diagihkan kepada 2 fasa. Fasa 1 memperuntukkan 6 kredit dan dilaksanakan pada Semester 5 selama 12 minggu. Fasa 2 dilaksanakan pada Semester 7 selama 12 minggu dan bilangan kredit yang diperuntukkan adalah 6 kredit sahaja dan terakhir adalah pelaksanaan *internship* apabila mereka berada di semester kelapan iaitu semester akhir di IPG yang

akan dilaksanakan selama 4 minggu sahaja dengan peruntukan sebanyak 2 kredit (Pusat Pembangunan Akademik, 2017).

Pelaksanaan praktikum yang merupakan mata kredit paling banyak kepada siswa guru IPG memberi tumpuan kepada proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dengan bimbingan pensyarah penyelia dan guru pembimbing melalui perkongsian pintar dan permuafakatan antara agensi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Antara objektif pelaksanaan praktikum adalah untuk memastikan siswa guru dapat menghayati nilai-nilai profesionalisme keguruan, untuk meningkatkan jati diri serta memupuk sikap positif dalam diri mereka. Selain itu juga, melalui pelaksanaan praktikum siswa guru akan dapat menyatupadukan antara aspek teori yang telah dipelajari semasa di peringkat kampus dengan pelaksanaan amali ketika mereka menjalani praktikum di sekolah (Institut Pendidikan Guru Kampus Dato Razali Ismail, 2021).

### **Transformasi Praktikum Institut Pendidikan Guru**


Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025 menyaksikan beberapa perubahan penting kepada institusi pendidikan bagi melahirkan modal insan yang berkualiti dan mampu untuk membangunkan negara ke arah yang lebih maju lagi. Justeru, seiring dengan perubahan dalam sistem pendidikan, ini sekaligus memberi kesan yang besar kepada Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) agar mampu melahirkan siswa guru yang berkualiti seperti kehendak dalam PPPM 2015-2025. Justeru, salah satu langkah yang dilaksanakan oleh pihak IPGM adalah dengan menambah baik beberapa aspek praktikum siswa guru di IPG dengan merujuk pendekatan *Nexus Theory and Practices* iaitu dengan cara merapatkan jurang antara teori dengan praktis siswa guru IPG dengan pihak sekolah (IPGM, 2018).

Sebelum penambahan dilaksana, siswa guru akan mengikuti praktikum mereka di sekolah dengan melalui proses aspek merancang pengajaran dan pembelajaran, melaksanakan amalan refleksi serta melalui proses menjadi guru dengan memfokuskan aspek nilai dan amalan profesionalisme keguruan (Mustapa, 2013) kemudian pensyarah pembimbing akan memantau praktikum secara berkala, namun melalui transformasi praktikum berlaku beberapa penambahan dari aspek pemerkasaan praktikum secara bertema, pementoran secara berstruktur, bimbingan dalam praktikum, kemahiran menilai dan memberi maklum balas, e-praktikum, serta kemahiran membuat refleksi (IPGM, 2018).

Praktikum secara bertema yang telah diperkenalkan ini bertujuan untuk memberi kemudahan kepada siswa guru bagi merancang aspek pengajaran dan pembelajaran mereka yang akan melibatkan lima komponen iaitu perancangan, pelaksanaan, amalan pedagogi masa kini, kemahiran insaniah serta refleksi dalam PdP. Rajah 1.1 menunjukkan praktikum bertema yang dijadikan sebagai panduan sebelum PdP dirangka.

**Rajah 1.1**

Model Struktur Praktikum Bertema IPG



Nota: Sumber Institut Pendidikan Guru Batu Lintang, 2021

Selain itu juga, pementoran secara berstruktur juga dikemas kini agar siswa guru dan mentor dapat berhubung dengan lebih rapat yang akan mengandungi beberapa dimensi seperti membimbing, mengajar, mempengaruhi dan memberi sokongan kepada siswa guru masing-masing. Seterusnya, transformasi praktikum juga telah menekankan aspek penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi sebagai satu sumber dalam melahirkan siswa guru yang celik dalam teknologi maklumat. Justeru, pengenalan kepada e-praktikum telah memberi satu nafas baharu dalam dunia praktikum kini dengan penyeliaan secara dalam talian telah dibangunkan untuk mempraktikkan konsep penyeliaan klinikal. e-praktikum merupakan satu portal yang akan menempatkan sistem penilaian dan bimbingan praktikum yang dikenali sebagai *My Practicum Observation Reports Online Management System (MyPOROMS)* yang mengandungi beberapa komponen seperti sidang prapemerhatian, pemerhatian, analisis, sidang pascapemerhatian dan analisis sidang pascapemerhatian (IPGM, 2018; Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang, 2021).

### **Peranan dan Tanggungjawab Siswa Guru Semasa Menjalani Praktikum**

Siswa guru perlu mengetahui peranan dan tanggungjawab mereka sepanjang menjalani latihan praktikum agar matlamat dan objektif praktikum itu sendiri dapat dicapai dengan sebaik mungkin. Sebelum mereka turun ke sekolah, siswa guru akan diberikan penerangan secara langsung oleh pihak unit praktikum IPG kampus masing-masing tentang peranan dan tanggungjawab yang perlu mereka laksanakan. Justeru, menghadiri taklimat praktikum (Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, 2021) merupakan salah satu peranan dan tanggungjawab paling utama kepada siswa guru supaya perkara yang disampaikan secara langsung itu dapat difahami dengan sebaik mungkin. Hal ini bertujuan untuk memastikan tidak timbul permasalahan pada kemudian hari seperti tidak mendapat maklumat mengenai pelaksanaan praktikum, tidak mengetahui secara jelas tentang matlamat dan objektif praktikum serta tidak mengetahui apa yang perlu dilaksana ketika berada di sekolah kelak.

Seterusnya, setelah mengetahui peranan dan tanggungjawab praktikum, siswa guru perlu mengadakan perbincangan secara mendalam bersama dengan pensyarah pembimbing yang telah dilantik serta guru pembimbing yang berada di sekolah (Institut Pendidikan Kampus Guru Batu Lintang, 2021). Hal ini bertujuan untuk mewujudkan persefahaman dan kesepakatan antara satu dengan lain dengan siswa guru akan diberikan penerangan secara langsung berkaitan dengan rancangan mengajar, sukanan pelajaran, panduan guru dan jadual waktu mengajar sepanjang mereka menjalani praktikum. Justeru, melalui perbincangan yang dilakukan antara siswa guru, pensyarah pembimbing dan guru sebagai mentor akan dapat membantu siswa guru mencapai matlamat dan objektif praktikum dengan lebih baik. Ketiadaan atau kelemahan unsur komunikasi yang baik dikhuatiri akan menjelaskan pelaksanaan praktikum siswa guru dan boleh menyebabkan kegagalan sehingga perlu mengulang kembali praktikum yang sepatutnya tamat dengan sempurna.

Selain itu juga, siswa guru perlu mematuhi peraturan di sekolah, mengamalkan etika profesionalisme perguruan sebagaimana yang termaktub dalam Standard Guru Malaysia (SGM) dan mematuhi peraturan daripada pihak IPGM (Institut Pendidikan Guru Kampus Dato Razali Ismail, 2021) sehingga mereka tamat praktikum selama 12 minggu. Peraturan yang termaktub dalam SGM terbitan 2019 menekankan kepada dua komponen utama iaitu dimensi kompetensi yang perlu dimiliki oleh guru dari pelbagai tahap untuk melaksanakan PdP dengan berkesan serta etika keguruan yang merupakan prinsip nilai dan moral yang perlu menjadi pegangan guru-guru di Malaysia supaya kerjaya profesionalisme perguruan dipandang mulia oleh masyarakat (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021). Komponen dimensi kompetensi menekankan empat domain utama iaitu instruksional, orientasi ilmu, kualiti peribadi dan pelibatan komuniti manakala, bagi teras etika dan nilai pula menekankan tanggungjawab terhadap profesion sebagai guru, tanggungjawab guru terhadap murid, tanggungjawab terhadap ibu bapa atau penjaga dan tanggungjawab terhadap masyarakat dan negara. Justeru, siswa guru yang akan mengikuti praktikum di sekolah perlu menghayati dan mengamalkan domain dan etika sebagaimana yang termaktub dalam SGM agar mereka kelak berjaya dipilih menjadi calon siswa guru praktikum cemerlang dan dapat menamatkan praktikum dengan jayanya.

## Pelaksanaan Praktikum Siswa Guru Semasa Musim COVID-19

Pada masa kini, dunia telah dikejutkan dengan satu wabak yang telah mengakibatkan derita dan kematian yang mengejutkan setiap masa. Wabak yang wujud daripada sejenis virus yang dikenali sebagai *Severe Acute Respiratory Syndrome Coronavirus 2* (SARS-CoV-2) pertama kali muncul di wilayah China iaitu Wuhan pada akhir Disember 2019 (World Health Organization, 2021). Namun, wabak ini yang kemudiannya dikenali sebagai *Coronavirus disease pandemic* (COVID-19) secara terus menerus tersebar seluruh dunia yang bukan sahaja memberi kesan kepada sektor kesihatan tetapi juga kepada sektor pendidikan. Hal ini adalah kerana terdapat 1.5 bilion pelajar daripada 165 buah negara tidak dapat meneruskan sesi persekolahan akibat daripada pandemik COVID-19 sebagaimana yang telah diumumkan oleh pihak United Nations Education, Scientific and Culture Organization (UNESCO) pada 26 Mac 2020 (Wan, 2020) malahan, tempias penutupan sektor pendidikan juga berlaku di Malaysia. Sehubungan dengan itu, IPG juga menghadapi cabaran yang sama iaitu pelaksanaan praktikum tidak dapat dilakukan secara bersemuka kerana murid-murid di sekolah rendah menjalani Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR). Maka ini menyebabkan siswa guru di IPG menjalani praktikum di sekolah rendah yang ditetapkan secara dalam talian dengan melaksanakan PdPR.

## TINJAUAN LITERATUR

Kajian yang dijalankan oleh Ahmad dan Majid (2018) berkaitan dengan program praktikum sebagai medium pengukuhan kemahiran insaniah dalam kalangan guru pelatih mendapati bahawa latihan praktikum memberi kesan positif kepada pembangunan profesional dan kemahiran insaniah guru pelatih sebagai seorang pendidik terutama aspek penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dengan min keseluruhan bagi aspek penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam pengajaran sebanyak 4.23 iaitu kedua tertinggi selepas aspek kemahiran kerja berpasukan. Ini menunjukkan bahawa, guru-guru praktikum mahir dalam menggunakan teknologi semasa ketika proses pengajaran dan pembelajaran dan juga dapat memberi kesan positif atas kemahiran yang mereka miliki memandangkan kini cabaran COVID-19 yang memerlukan kepakaran penggunaan teknologi semaksimum mungkin.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Mustapa (2013) untuk mengenal pasti amalan bimbingan pengajaran pensyarah dan guru pembimbing dalam program mentoring praktikum serta impaknya terhadap kualiti guru pelatih telah menunjukkan bahawa amalan bimbingan pengajaran bagi pensyarah dan guru pembimbing yang paling dominan adalah dalam aspek pelaksanaan pengajaran ( $\text{min} = 4.59$ ,  $s.p = .17$ ). Kajian menunjukkan kualiti guru pelatih yang paling tinggi adalah dalam aspek sikap dan sahsiah ( $\text{min} = 4.49$ ,  $s.p. = .21$ ). Kajian mendapati wujud hubungan antara amalan bimbingan pengajaran ( $r = 0.13$ ,  $p = 0.02$  ( $p < 0.05$ ) pensyarah dan guru pembimbing terhadap kualiti guru pelatih.

Di samping itu, kajian Muhammad, *et. al.*, (2007) berkaitan tahap profesionalisme guru-guru pelatih pendidikan Islam dalam latihan praktikum, dapatkan kajian menunjukkan tahap profesionalisme guru-guru pelatih pendidikan Islam UTM (GPPIUTM), Skudai berada pada tahap yang tinggi semasa menjalani latihan praktikum. Namun terdapat beberapa masalah telah dikenal pasti yang dihadapi oleh mereka iaitu antaranya kemampuan GPPIUTM merancang kepelbagaiannya kaedah, teknik dan strategi pengajaran melalui penulisan rancangan mengajar hanya berada pada tahap yang memuaskan sahaja. Begitu juga bagi item kemampuan GPPIUTM mengaitkan pelajaran yang diajar dengan persekitaran pelajar juga mendapat min yang memuaskan sahaja iaitu pada kadar 3.78.

## PENYATAAN MASALAH

Siswa guru yang akan menjalani praktikum perlu melalui beberapa aspek seperti penyeliaan, pengajaran bertema dengan pelajar, penilaian, mentoring dengan pensyarah, bimbingan dengan guru mentor serta beberapa aspek lain lagi sehingga tamatnya latihan praktikum mencapai 12 minggu. Justeru, kajian mendapati dari aspek praktikum bertema dan penyeliaan secara klinikal hanya berada pada tahap sederhana tinggi iaitu dengan min sebanyak 3.01 – 4.00 di beberapa buah IPG kampus (Abu Bakar, *et.*

*al.*, 2019). Hal ini perlu diteliti dengan lebih mendalam memandangkan pada masa kini sistem pelaksanaan praktikum dijalankan secara dalam talian yang menyebabkan proses praktikum bertema dan penyeliaan secara klinikal yang sebelum ini dijalankan secara bersemuka tidak dapat dilaksanakan sebagaimana dahulu.

Selain itu, ketika COVID-19 melanda negara, pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru-guru secara bersemuka terpaksa dihentikan akibat penutupan sektor persekolahan di seluruh negara. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengarahkan semua guru untuk menjalankan aspek PdPR ketika wabak ini melanda. Antara pendekatan PdPR yang boleh dilakukan adalah seperti secara dalam talian apabila terdapat capaian internet, PdPR secara luar talian iaitu apabila murid menggunakan peranti seperti komputer riba, *tablet* atau telefon pintar tanpa menggunakan internet dan juga PdPR secara *offsite* iaitu apabila kaedah pembelajaran berlaku di lokasi seperti di pusat komuniti, atau di mana-mana premis yang diisyiharkan sebagai pusat pemindahan sementara akibat bencana atau wabak (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020).

Justeru, didapati antara cabaran yang dihadapi ialah kesukaran guru mewujudkan komunikasi dua hala dengan pelajar, kurangnya sokongan pembelajaran daripada ibu bapa dan penjaga dan kurang pengetahuan serta kemahiran guru untuk melaksanakan pembelajaran dalam talian merupakan pandangan guru terhadap pembelajaran dalam talian melalui pendekatan *home based learning* (HBL) semasa tempoh pandemik COVID-19 (Che Azizan & Mohamad Nasri, 2020). Malahan juga dari aspek murid-murid pula didapati mereka kurang kesiapsiagaan dan tiada infrastruktur digital serta terpaksa berkongsi peranti dan telefon pintar dengan ahli keluarga (Nik Abdullah, 2020) yang menyebabkan proses PdPR tidak dapat dilaksana dengan baik. Hal ini pasti akan memberi kesan kepada PdPR siswa guru yang menjalani praktikum kerana menuntut mereka untuk melaksanakan PdPR sebagaimana arahan yang telah diberikan oleh pihak KPM malahan ini merupakan kali pertama dalam sejarah praktikum dijalankan secara dalam talian ini.

Walaupun telah berlaku transformasi dalam pelaksanaan praktikum siswa guru iaitu penggunaan aplikasi MyPOROMS sebagai salah satu proses bimbingan secara dalam talian, namun ini sebenarnya tidak dapat diakses dengan mudah apabila capaian internet menghadapi masalah, hal ini diperoleh melalui kajian yang dijalankan oleh Abu Bakar, *et. al.*, (2019) yang mendapati siswa guru memberikan cadangan agar pihak IPG Kampus dapat menaik taraf capaian internet supaya tidak menghadapi masalah terutama ketika menggunakan sistem ini. Di samping itu juga, siswa guru mengharapkan agar pihak IPG kampus untuk mempelbagaikan penggunaan mekanisme secara maya untuk memudahkan mereka berhubung dengan pensyarah masing-masing.

Justeru, kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk merungkai dengan lebih mendalam pelaksanaan praktikum siswa guru Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas dengan memfokuskan aspek cabaran-cabaran yang dihadapi sepanjang pelaksanaan praktikum serta cadangan yang diberikan agar pelaksanaan praktikum dapat dilaksana dengan sebaik mungkin terutama semasa pandemik COVID-19 yang melanda negara pada masa kini.

## TUJUAN KAJIAN

Sehubungan dengan itu, pengkaji menjalankan kajian ini bertujuan mendapatkan maklumat secara langsung daripada siswa guru praktikum semester 7 Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas untuk mengetahui cabaran yang dilalui ketika menjalani praktikum semasa pandemik COVID-19 serta cadangan agar praktikum dapat dijalankan dengan baik.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk:

- i. Mengenal pasti cabaran siswa guru IPG Kampus Ilmu Khas menjalani praktikum semasa pandemik COVID-19.
- ii. Mengenal pasti cadangan siswa guru IPG Kampus Ilmu Khas untuk memastikan praktikum semasa pandemik COVID-19 dapat dijalankan dengan baik.

## SOALAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan mengetahui:

- i. Apakah cabaran siswa guru IPG Kampus Ilmu Khas menjalani praktikum semasa pandemik COVID-19?
- ii. Apakah cadangan siswa guru IPG Kampus Ilmu Khas untuk memastikan praktikum semasa pandemik dapat dijalankan dengan baik?

## METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini merupakan pendekatan kualitatif. Menurut Jasmi (2012) menjelaskan penyelidikan kualitatif mempunyai bentuk data yang tersendiri yang berbeza dengan penyelidikan kuantitatif. Data kualitatif diperoleh melalui temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen. Nota lapangan dan diari pengkaji merupakan penyokong utama dalam mengesahkan kerja-kerja lapangan yang dijalankan dalam kajian kualitatif. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kes. Hal ini adalah kerana kajian kes amat bersesuaian dengan objektif kajian dan untuk mendapatkan kefahaman mendalam tentang sesuatu situasi yang terlibat melalui pandangan pengkaji, (Meriam, 1998). Kajian kes juga memiliki kekuatan berbanding dengan metodologi kajian lain kerana berasaskan realiti sebenar (Burns, 2000). Sehubungan dengan itu, pemilihan kajian ini sebagai kajian kes amat bersesuaian kerana bertujuan untuk mengkaji cabaran dan cadangan pelaksanaan praktikum siswa guru IPGKIK semasa pandemik COVID-19.

### Sampel Kajian

Kajian ini melibatkan seramai 7 orang siswa guru semester 7, Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) ambilan Julai 2017 yang telah menjalani praktikum di sekolah selama 12 minggu dalam semester 1, 2021.

### Instrumen Pengumpulan Data

Instrumen kajian ini menggunakan protokol temu bual separa berstruktur berasaskan objektif kajian ini. Temu bual separa berstruktur dipilih agar soalan yang dikemukakan menepati kehendak objektif kajian dan dapat ditambah dengan soalan tambahan agar memenuhi kehendak objektif kajian yang disediakan. Oleh itu, satu set protokol telah disediakan untuk mendapatkan maklumat. Kaedah pengumpulan data kajian ini adalah dengan menemu bual tujuh orang siswa guru semester 7, Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) ambilan Julai 2017 yang telah menjalani praktikum di sekolah selama tiga bulan.

### Analisis Data

Seterusnya pengkaji menganalisis hasil temu bual secara kualitatif untuk mengenal pasti tema-tema yang wujud daripada persoalan-persoalan kajian tersebut. Pengkaji menganalisis hasil temu bual yang diperoleh dan mewujudkan tema-tema yang sesuai dengan persoalan kajian ini.

## **DAPATAN KAJIAN**

Dapatan kajian di bawah ini akan dibincangkan satu persatu berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan sebelum ini.

### **Cabaran Menjalani Praktikum Semasa Pandemik COVID-19**

Analisis kajian ini bagi soalan pertama telah menghasilkan tujuh tema utama. Tema pertama ialah kemudahan capaian internet kurang memuaskan sewaktu PdPR dijalankan. Tema kedua ialah proses penyampaian pembelajaran yang kurang efektif. Tema ketiga ialah kesukaran untuk berkomunikasi antara guru praktikum dengan murid, guru pembimbing, rakan sebaya, pensyarah dan juga ibu bapa. Tema keempat ialah kesukaran mendapatkan respon murid semasa pembelajaran secara talian dijalankan. Tema kelima ialah setiap perancangan dan aktiviti yang telah dirancang perlu disesuaikan dengan pandemik COVID-19. Tema keenam ialah kesukaran dalam mematuhi perintah kawalan pergerakan kalangan murid dan tema ketujuh ialah pelbagai cara pelaksanaan PdPR mengikut sekolah.

#### **(i) Kemudahan Capaian Internet Kurang Memuaskan Sewaktu PdPR Dijalankan**

Dapatan kajian mendapati bahawa penutupan sekolah dan pusat pengajian tinggi yang dilanjutkan selaras dengan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang mendepani pelbagai cabaran baharu kepada warga pendidik untuk memastikan murid mereka terus dapat belajar. Namun demikian, kemudahan capaian mengalami masalah liputan internet kurang memuaskan hingga menyukarkan perlaksanaan PdPR secara dalam talian sepanjang PKP. Kesukaran bukan dirasakan pada murid yang berada di bandar malahan murid dan guru yang tinggal di luar bandar terutamanya juga berhadapan dengan masalah pengajaran di alam maya disebabkan capaian internet yang lemah. Ini dapat dibuktikan oleh beberapa peserta kajian seperti yang dinyatakan oleh peserta kajian ketiga, “*Akses Internet (guru dan murid)*”. Begitu juga kata-kata peserta kajian kelima, “*Akses internet yang kurang*”. Hal ini juga disebut oleh peserta kajian keenam, “*Capaian Internet yang lemah*” dan peserta kajian ketujuh, “*Capaian internet yang terhad*”.

#### **(ii) Proses Penyampaian Pembelajaran Yang Kurang Efektif**

Melalui temu bual yang dijalankan mendapati bahawa masih ramai lagi guru yang kurang berkemahiran dalam penggunaan teknologi maklumat bagi membolehkan mereka menyampaikan bahan pengajaran dalam talian. Di samping itu, capaian internet yang lemah menambahkan lagi kesukaran dalam kalangan guru dan murid. Ini berdasarkan kata-kata peserta kajian pertama iaitu “Proses penyampaian PdP (medium, teknik) kurang efektif”.

Selain itu, dapatan kajian daripada peserta kajian menyatakan bahawa proses pembelajaran adakalanya tidak berjalan dengan lancar. Ini disebabkan oleh pemilihan platform yang tidak bersesuaian dalam proses PdP. Namun demikian, bagi mengelakkan berlakunya *lag* atau *screen freeze* yang boleh mengganggu tumpuan murid sekiranya kelas atas talian dilakukan. Guru perlu mengetahui tahap kestabilan internet, sama ada rendah, sederhana atau tinggi sebelum memilih platform pengajaran yang bersesuaian supaya tidak berlaku sebarang gangguan semasa proses PdPC dijalankan. Hal ini dapat difahami melalui kata-kata peserta kajian keempat iaitu “*aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPC) tergantung dan perjalanan tidak sempurna*”.

#### **(iii) Kesukaran Untuk Berkomunikasi Antara Guru Praktikum dengan Murid, Guru Pembimbing, Rakan Sebaya, Pensyarah dan Juga Ibu Bapa**

Dapatan kajian daripada temu bual yang dijalankan menyatakan bahawa semasa PKP kesukaran komunikasi antara guru dengan murid dan ibu bapa adalah menjadi masalah utama di sepanjang proses pembelajaran dalam talian dijalankan. Antara faktor yang menjadi penyumbang utama adalah kurang sokongan ibu bapa dan murid yang lemah dalam mata pelajaran serta kesibukan ibu bapa terhadap pekerjaan mereka sewaktu berada di rumah. Selain itu, masalah capaian internet, kegagalan peralatan teknologi yang digunakan, penjadualan tidak sesuai. Oleh yang demikian, pembelajaran secara dalam

talian ini memerlukan komitmen dan sokongan tidak terhingga oleh ibu bapa dalam membantu pendidik mendidik murid. Ibu bapa perlu memahami normal baharu pendidikan, memberikan ruang kepada anak-anak menghadiri kelas dalam talian serta turut memantau sesi pembelajaran dan kerja sekolah mereka. Ini dapat difahami daripada kata-kata peserta kajian pertama iaitu “*Komunikasi antara guru, murid dan ibu bapa*”.

Begitu juga masalah komunikasi antara guru praktikum dengan guru pembimbing dan pensyarah pembimbing. Kesukaran ini disebabkan masih belum dapat menyesuaikan diri dengan dengan norma baharu. Jika sebelum ini setiap perbincangan, bimbingan dilakukan secara bersemuka dan memudahkan mereka untuk berkomunikasi. Namun kini, perbincangan dan juga penilaian perlu dilakukan secara dalam talian. Ini dapat dibuktikan dengan temu bual peserta kajian ketiga iaitu “*Sukar untuk berkomunikasi/berbincang dengan rakan praktikum/guru pembimbing/pensyarah pembimbing*”.

#### **(iv) Kesukaran Mendapatkan Respon Murid Semasa Pembelajaran Secara Dalam Talian**

Hasil temu bual yang dilaksanakan didapati pelaksanaan pembelajaran dalam talian adalah pengurusan emosi. Pada peringkat awal menjadikan suatu “keseronokan” untuk murid. Akan tetapi, apabila jangka masa PKP yang lama dan menjadikan murid mulai rasa bosan terkurung di rumah. Murid juga tidak dapat bertemu rakan sebaya, bermain dan berbual dengan sahabat karib di sekolah ataupun menjalani aktiviti kokurikulum di sekolah. Ini mengakibatkan emosi murid mulai mengalami ketidakstabilan. Kesannya, dapat dilihat murid semakin kurang efektif terhadap pembelajaran secara dalam talian.

Sehubungan dengan itu, terdapat juga ramai dalam kalangan murid berasal daripada keluarga miskin bandar yang mana mereka tidak mempunyai telefon pintar, komputer riba atau komputer di rumah. Malah jika ada sekalipun mereka berebut-rebut antara ahli keluarga yang lain untuk menggunakan alat pembelajaran digital yang sama. Adakalanya juga mereka juga tidak mempunyai capaian internet. Ini akan menyukarkan untuk mengoptimumkan pengajaran dan pembelajaran atas talian ini. Peserta kajian kelima berkata “*Penyertaan murid yang kurang semasa kelas atas talian (kekurangan kemudahan oleh keluarga-ada murid bergilir dengan adik-beradik lain untuk menyertai kelas atas talian)*”.

Manakala terdapat juga kekangan tidak semua murid masuk ke dalam kelas pembelajaran atas talian. Terdapat sebilangan yang masih belum dapat menyesuaikan diri memasuki kelas maya seperti ini kerana suasannya yang berbeza daripada kelas harian biasa. Ini dapat dibuktikan melalui peserta kajian kelima yang berkata “*sukar membuat penilaian terhadap pencapaian murid*”. Peserta kajian keenam pula berkata “*Respon murid*”. Begitu juga peserta kajian ketujuh yang menyatakan “*Kesukaran mendapat respon daripada beberapa orang murid*”.

#### **(v) Setiap Perancangan dan Aktiviti yang Telah Dirancang Perlu Disesuaikan dengan Pendemik COVID-19**

Dapatan kajian berdasarkan temu bual, didapati sejak PKP dilaksanakan terdapat banyak aktiviti terpaksa ditangguhkan khususnya melibatkan aktiviti fizikal. Oleh yang demikian, perancangan tahunan perlu diubah suai mengikut norma baharu. Aktiviti secara bersemuka perlu memohon kebenaran daripada pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi membenarkan aktiviti ini dapat dijalankan dengan lancar. Setiap aktiviti yang dijalankan juga terbatas mengikut syarat-syarat Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan. Ini dapat dijelaskan oleh peserta kajian 1 iaitu “*Perancangan kajian terganggu dan perlu diubah suai*”. Seterusnya peserta kajian kedua yang menyebut “*Banyak aktiviti yang tidak dapat dibuat kerana kekangan covid*”. Begitu juga peserta kajian keempat “*Projek tidak dapat dilaksanakan*” dan “*Penyeliaan tidak dapat dijalankan dengan sempurna*”.

#### **(vi) Kesukaran dalam Mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan Kalangan Murid**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa semasa PKP dilaksanakan, sesi persekolahan juga dibuka untuk memberikan peluang kepada warga sekolah untuk menjalani rutin seperti biasa walau bagaimanapun,

sesi persekolahan perlu mematuhi garis panduan SOP yang telah ditetapkan oleh pihak KPM. Pihak sekolah perlu mematuhi SOP yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk pembukaan semula sekolah dengan menitikberatkan aspek keselamatan murid. Antaranya membuat laluan keluar masuk sekolah yang baru, pergerakan dari kelas ke pintu pagar sekolah, ke kantin dan blok-blok kelas yang menempatkan bilik-bilik khas seperti makmal, bilik komputer, bilik seni, bilik kaunseling dan sebagainya. Elakkan konsep 3S iaitu (sesak, sempit dan sembang) dan amalkan 3W iaitu (*wash, wear* dan *warn*) sebagai kebiasaan baharu dalam kehidupan seharian bagi mengawal penularan COVID-19. Konsep 3S sentiasa diingatkan kepada murid-murid iaitu elakkan sesak, sempit dan sembang dekat. Poster-poster juga dipamerkan di setiap koridor blok sekolah dan kantin sekolah untuk memastikan murid sentiasa menjaga penjarakan sosial dalam sekolah. Meskipun itu, terdapat sebilangan tidak mematuhi SOP yang ditetapkan dalam kalangan murid. Contohnya murid tidak memakai pelitup muka dengan betul, tidak menjarakkan diri antara satu dengan lain dengan betul dan sebagainya. Ini dapat ditegaskan dengan peserta kajian kedua yang menyebut “*Sukar untuk menjaga SOP antara murid*”.

#### **(vii) Pelbagai Cara Pemilihan Platform untuk PdPC Mengikut Sekolah**

Dapatkan kajian menyatakan bahawa guru perlu berusaha sedaya upaya menjadi kreatif dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran atas talian. Tambahan pula, KPM menjalankan pelbagai kursus bagi menyediakan guru dengan kemahiran menggunakan pelantar pembelajaran digital serta membina bahan pengajaran. Ini memberikan kesan positif apabila ramai guru mampu menyediakan bahan pembelajaran digital mereka sendiri untuk digunakan murid dan dikongsi dengan rakan guru lain.

Justeru, pemilihan platform bersesuaian amat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru perlu menyediakan platform yang bersesuaian sekiranya capaian internet rendah, seperti *WhatsApp*, *Telegram* dan *Instagram* sesuai dijadikan platform pengajaran murid. Bagi capaian internet sederhana, platform seperti *Youtube* dan *Kahoot* sesuai digunakan, manakala bagi capaian internet tinggi, platform bersemuka seperti *Zoom*, *Microsoft Team*, *Skype* dan *Google Meet* sesuai digunakan. Kaedah pengajaran yang berbeza dan bersesuaian dijalankan menggunakan platform yang berbeza kepada pelajar berdasarkan jenis capaian internet murid. Meskipun dilihat sebagai cabaran kepada guru untuk mempelbagaikan platform yang digunakan bagi membolehkan pembelajaran murid dicapai secara maksimum. Ini dapat dibuktikan dengan kata-kata peserta kajian pertama iaitu, “*Berbeza pelaksanaan mengikut sekolah. Ada yang hanya bagi modul, ada yang perlu laksanakan Google Meet*”.

#### **Cadangan untuk Memastikan Praktikum Semasa Pandemik COVID-19**

Analisis kajian ini bagi soalan kedua telah menghasilkan lima tema utama. Tema pertama ialah sediakan medium perantaraan antara guru, murid dan ibu bapa dengan pelbagai aplikasi pembelajaran secara dalam talian contohnya penggunaan aplikasi *WhatsApp* dan *Telegram*. Tema kedua ialah hubungan kerjasama antara guru dengan ibu bapa terhadap pembelajaran murid. Tema ketiga ialah penilaian praktikum secara dalam talian sama ada pengajaran dan pembelajaran di rumah atau rancangan perancangan harian. Tema keempat ialah melaksanakan penulisan rancangan pembelajaran harian dengan baik. Tema kelima ialah penyusunan semula jadual waktu harian sepanjang musim perintah kawalan pergerakan.

#### **(i) Sediakan Medium Perantaraan Antara Guru, Murid dan Ibu Bapa dengan Pelbagai Aplikasi Pembelajaran Secara Dalam Talian Contohnya Penggunaan Aplikasi *WhatsApp* dan *Telegram***

Dapatkan kajian mendapati bahawa penggunaan pembelajaran secara dalam talian adalah amat penting. Guru dan murid turut memanfaatkan media sosial seperti *WhatsApp* dan *Telegram* dengan sebaik-baiknya untuk menyampaikan pelbagai maklumat, arahan dan latihan. Medium perantaraan ini adalah untuk memastikan pembelajaran pelajar tetap lancar walaupun mereka tidak berada di dalam kelas. Peserta kajian keenam iaitu “*Hadkan penggunaan internet dengan menggunakan aplikasi WhatsApp /*

*Telegram. Hantar pautan atau nota sebagai rujukan murid. (Pembelajaran tidak segerak) lakukan kaedah pembelajaran mikro, iaitu topik topik besar dipecahkan kepada topik kecil”.*

Peserta kajian ketujuh berkata iaitu “menjalankan dengan menggunakan media elektronik”. Begitu juga peserta kajian kelima yang berkata “Pelaksanaan modul pkp-guru menghantar modul ke sekolah dan meminta ibu bapa mengambil dan murid menjawab modul sepanjang PKPB dilaksanakan.”

Selain itu, tidak dapat dinafikan melalui kaedah pembelajaran atas talian banyak manfaat yang boleh diperoleh. Pengajaran atas talian membolehkan proses pembelajaran yang dilaksanakan tanpa mengira jarak dan bilangan ahli yang melayarinya. Di samping itu, dengan menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara maya bagi memastikan silibus pengajaran dapat disampaikan dengan sebaik mungkin dan sesi pembelajaran tidak ditangguhkan. Hal ini jelas melalui kata-kata peserta kajian keempat iaitu, “masih melaksanakan PdPC secara fleksibel seperti PdPC online ataupun bekerja dari rumah (BDR).”

#### **(ii) Hubungan Kerjasama Antara Guru dengan Ibu Bapa Terhadap Pembelajaran Murid.**

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa sokongan ibu bapa adalah amat penting. Semasa tempoh PKP ini peningkatan dalam penglibatan ibu bapa terhadap anak-anak terutama dalam pembelajaran atas talian adalah suatu usaha bagi mencapai kualiti pembelajaran anak-anak di rumah.

Hubungan dan interaksi antara ibu bapa dan pihak sekolah sewaktu peringkat awal persekolahan anak amat penting memandangkan tahap-tahap awal pembelajaran yang dilakukan oleh anak ini dapat menjadi asas kepada tingkah laku, kualiti hubungan dan pelbagai jenis penglibatan ibu bapa terhadap kualiti pembelajaran anak-anak. Sehubungan dengan itu, penglibatan ibu bapa yang lebih berkesan dalam pendidikan anak akan menjadi lebih berkualiti jika wujudnya hubungan kerjasama dan efektif dengan pihak sekolah. Peserta kajian pertama ada menyatakan, “Kerjasama antara ibu bapa dan guru (saling membantu dalam PdP murid ketika pandemik)”.

Medium perantaraan guru dengan ibu bapa adalah dengan mewujudkan kumpulan WhatsApp, Facebook, Telegram dan sebagainya. Platform ini memudahkan ibu bapa mahir menggunakan sebagai saluran komunikasi dengan pihak sekolah. Peserta kajian kelima menyatakan, “Wujudkan satu medium yang memudahkan semua murid, ibu bapa dan guru mendapat akses yang sama”.

Justeru, penglibatan ibu bapa juga dalam menjayakan proses PdPR adalah cabaran besar bagi ibu bapa. Bermula daripada menyediakan kemudahan dan peralatan berkaitan seperti komputer atau telefon berserta talian internet yang aktif sehingga buku teks, aktiviti dan latihan berkaitan serta peralatan alat tulis. Hal ini jelas dengan kata-kata peserta kajian keenam iaitu “Tanya secara personal kepada ibu bapa mengenai keadaan anak murid - tanya Kenapa tak bagi respon. Jelaskan kenapa murid perlu respon supaya ibu bapa faham” dan peserta kajian ketujuh yang mengatakan “Sentiasa berhubung dengan ibu bapa penjaga untuk kelas online”.

#### **(iii) Penilaian Praktikum Secara Atas Talian Sama Ada Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah.**

Dapatkan kajian mendapati bahawa guru pelatih yang sedang menjalani praktikum sewaktu PKP adalah suatu cabaran yang baru. Program Praktikum yang dijalankan memberikan peluang kepada guru pelatih mengaplikasi segala teori pengajaran kepada konteks sebenar di dalam bilik darjah. Ini selari dengan garis panduan Standard Guru Malaysia bahawa penekanan latihan keguruan diberikan kepada aspek perancangan pengajaran dan pelaksanaan pengajaran, amalan refleksi, sikap dan sahsiah, nilai dan amalan profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman, dan kemahiran pengajaran.

Pembelajaran dalam talian menjadi pilihan pada masa kini secara tidak langsung penilaian praktikum secara dalam talian amat bersesuaian dengan keadaan semasa. Oleh yang demikian, Unit

Praktikum perlu menyediakan satu garis panduan penilaian praktikum atas talian supaya pensyarah dan guru pembimbing dapat membuat penilaian dengan baik serta membantu guru praktikum dengan lebih baik. Perkara ini jelas melalui kata-kata peserta kajian kedua “Unit praktikum dan pensyarah perlu membuat perancangan dan panduan awal untuk mendepani pelbagai kemungkinan yang berlaku seperti perancangan PdP *online* dan lain-lain”, ditambah lagi peserta kajian kelima “Selaraskan penilaian praktikum *online* (RPH atau PdP)” dan peserta kajian ketiga “Selaraskan penilaian praktikum sama ada secara penilaian PdPC ataupun penilaian RPH semata”.

**(iv) Melaksanakan Penulisan Rancangan Pembelajaran Harian Dengan Baik**

Dapatan kajian menyatakan bahawa penulisan rancangan pengajaran harian (RPH) dilihat sebagai salah satu kewajipan guru dalam menentukan keberkesanan pengajaran kerana guru terlebih dahulu telah memahami dan menilai semua aspek yang akan dilaksanakan ketika PdP dalam talian. Penyediaan RPH dalam talian yang rapi dan tersusun sudah pasti dapat membantu pelajar menerima dan memahami isi pengajaran dan pembelajaran dengan baik. Justeru, RPH dalam talian yang disediakan menggambarkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, dengan mengambil kira faktor penggunaan teknik penyampaian pengajaran yang dapat menarik perhatian dan merangsang minat pelajar sama ada di dalam bilik darjah maya. Selain itu, pensyarah dapat menyelia dan menilai kualiti pembelajaran dalam talian terhadap guru pelatihnya. Ini dapat dibuktikan daripada peserta kajian keempat yang menyatakan “*Melaksanakan rancangan pembelajaran harian seperti biasa dan pensyarah boleh membuat penyeliaan berdasarkan aktiviti yang telah dirancang pada rancangan pembelajaran harian tersebut*” dan peserta kajian keenam yang mengatakan “*Tidak menangguh kerja, meskipun pembelajaran dijalankan di rumah, pastikan rancangan pembelajaran harian berjalan seperti biasa.*”

**(v) Penyusunan Semula Jadual Waktu Harian Sepanjang Musim Perintah Kawalan Pergerakan**

Dapatan kajian mendapati bahawa kajian yang dilaksanakan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP) mengesyorkan jadual anjal dirangka bagi kegunaan di sekolah sebagai garis panduan persekolahan penjarakan sosial pascapandemik COVID-19. Selain itu, waktu pembelajaran juga dipendekkan berbanding biasa sebelum ini termasuk melakukan sedikit perubahan terhadap waktu datang dan pulang murid ke sekolah. Ini dapat dibuktikan dengan dapatan kajian daripada peserta kajian pertama iaitu “*Tetapkan satu subjek satu hari. Dan jalankan proses PdP secara maya.*”

## **PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI**

### **Perbincangan**

Penutupan sektor pendidikan di Malaysia sekali gus memberi kesan kepada pelaksanaan praktikum siswa guru di IPG yang dahulunya dijalankan secara bersemuka dan ditempatkan di sekolah-sekolah pilihan, namun ini telah merubah aspek pelaksanaan praktikum ini secara mendadak. Oleh yang demikian, kepelbagaian penggunaan teknologi semasa dilihat dapat membantu siswa guru praktikum menjalani praktikum mereka seperti *Google Meet*, *Google Classroom*, penggunaan *Google Form* untuk membuat kuiz atau soalan kepada pelajar, aplikasi *Zoom*, *Telegram*, *Whatsapps* (Nik Abdullah, 2020) dan beberapa lagi penggunaan teknologi untuk membantu siswa guru dari aspek pengajaran dan pembelajaran serta penyeliaan daripada pensyarah pembimbing. Hal ini jelas menunjukkan dapatan kajian mengaplikasi medium tersebut untuk menjalankan PdP dalam talian dalam situasi pandemik ini.

PdPR yang dijalankan dalam pandemik COVID-19 menghadapi pelbagai cabaran antaranya capaian internet yang kurang memuaskan sewaktu PdPR dijalankan. Hal ini ada bertepatan dengan pendapat Mohamed dan Shamsuddin (2020) yang menyatakan bahawa pengalaman belajar secara dalam talian tidak dipunyai oleh pensyarah dan pelajar. Terdapat lima cabaran yang dihadapi semasa pembelajaran dalam talian iaitu capaian kepada kemudahan internet, tiada kemudahan komputer atau

telefon bimbit, suasana pembelajaran yang tidak kondusif untuk belajar, keberkesanan pembelajaran dan penyalahgunaan internet (Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia, 2020).

### **Implikasi**

Implikasi daripada dapatan kajian ini, beberapa pihak berkenaan sepatutnya memberi perhatian iaitu;

- i) Pentadbir semua IPG disarankan agar memberi sokongan kepada siswa guru yang menjalani praktikum dengan mengenal pasti keperluan seperti data internet dan platform yang berpusat untuk membantu agar pelaksanaan praktikum dalam tempoh pandemik ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.
- ii) Para pensyarah yang menjadi pensyarah pembimbing bagi opsyen major terutamanya perlu mengambil tahu keperluan dan masalah yang dihadapi oleh siswa guru yang menjalani praktikum di sekolah. Keprihatinan dan bantuan yang diberikan dapat mengurangkan beban yang dihadapi oleh siswa guru dalam pandemik ini.

### **RUMUSAN**

Secara keseluruhannya, rumusan kajian ini jelas menunjukkan bahawa terdapat banyak cabaran yang dihadapi oleh siswa guru semasa menjalani praktikum dalam pandemik COVID-19. Cabaran ini dapat ditangani dengan kerjasama yang baik daripada pihak sekolah khususnya iaitu guru besar, penolong kanan pentadbiran, penolong kanan hal ehwal murid, guru pembimbing, guru-guru, staf sokongan, ibu bapa dan murid-murid dalam menjayakan proses PdPR. Tanpa kerjasama dan sokongan yang diberikan oleh pihak berkenaan, siswa guru akan menghadapi kesukaran untuk menjalani praktikum secara dalam talian ini. Pengalaman siswa guru menjalani praktikum dalam tempoh pandemik ini menunjukkan kesungguhan dan pengorbanan seorang guru untuk menyampaikan ilmu serta kemahiran kepada murid-murid walaupun dalam keadaan yang penuh rintangan dan kesulitan.

### **RUJUKAN**

- Abdullah, A. H., Che Omar, M., Embong, R., Abu Bakar, N., & Ismail, I. S. (2014). Persepsi terhadap pengalaman praktikum dalam kalangan guru pelatih pendidikan Islam di Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu. *Seminar kebangsaan majlis dekan-dekan pendidikan IPTA*. [https://www.researchgate.net/publication/298788109\\_Persepsi\\_Terhadap\\_Pengalaman\\_Praktikum\\_Dalam\\_Kalangan\\_Guru\\_Pelatih\\_Pendidikan\\_Islam\\_di\\_Universiti\\_Sultan\\_Zainal\\_Abidin\\_Terengganu](https://www.researchgate.net/publication/298788109_Persepsi_Terhadap_Pengalaman_Praktikum_Dalam_Kalangan_Guru_Pelatih_Pendidikan_Islam_di_Universiti_Sultan_Zainal_Abidin_Terengganu).
- Abu Bakar, N., Syed Mustapa, S. I., Hamzah, R., Abdullah, H., Ali, B., Hamzah, H., Samuel, J. N., Johari, Z., Hashim, A., Yahya, K., Syed Alwi, S. H., Joned, J., Ahmed, M. N., Samdin, M. A., Roslin, M. A., Ariffin, N. A. & Ahmad, T. (2019). Kajian pemantauan terhadap aktiviti transformasi praktikum di Institut Pendidikan Guru Malaysia. *Prosiding seminar penyelidikan pendidikan kebangsaan (SPPK)*. [https://www.researchgate.net/publication/344677700\\_artikel\\_penuh\\_kajian\\_pemantauan\\_dan\\_impaik\\_pelaksanaan\\_aktiviti\\_transformasi\\_praktikum\\_ipgm\\_menujur\\_perspektif\\_pensyarah\\_dan\\_siswa\\_guru](https://www.researchgate.net/publication/344677700_artikel_penuh_kajian_pemantauan_dan_impaik_pelaksanaan_aktiviti_transformasi_praktikum_ipgm_menujur_perspektif_pensyarah_dan_siswa_guru).
- Ahmad, N. L., & Majid, N. A. (2018). Program praktikum sebagai medium pengukuhan kemahiran insaniah dalam kalangan guru pelatih (practical programme as a medium to strengthen soft-skills among trainee teachers). *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 43(02), 17-27.

- A. Rashid, Noriati. (2010). *Guru dan cabaran semasa*. Siri pendidikan guru . Oxford Fajar.
- Burns, R. B. (2000). *Introduction to research method* (4<sup>th</sup> Ed.). Longman.
- Che Azizan, S. N., & Mohamad Nasri, N. (2020). Pandangan guru terhadap pembelajaran dalam talian melalui pendekatan home based learning (hbl) semasa tempoh pandemik COVID-19. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11, 46-57. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.edisikhas.4.2020>.
- Institut Pendidikan Guru Malaysia. (2018). *Transformasi praktikum IPG*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Institut Pendidikan Guru Kampus Dato Razali Ismail. (2021, Julai 12). *Garis panduan pelaksanaan amalan profesional praktikum program ijazah sarjana muda perguruan*. <https://praktikumipgkdr.weebly.com/muat-turun-garis-panduan.html>
- Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang. (2021, Julai 12). *Garis panduan pelaksanaan amalan profesional praktikum program ijazah sarjana muda perguruan*. <http://www.ipbl.edu.my/intra/sistem/praktikum/2019/1%20Praktikum%20PISMP.pdf>
- Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. (2021, Julai 12). *Garis panduan pelaksanaan amalan profesional praktikum program ijazah sarjana muda perguruan*. <http://ipgkik.moe.edu.my/index.php/akademik/unit/praktikum/362-borang>
- Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia. (2020, Jun 25). *Cabarannya pembelajaran online – cadangan mengatasinya*. JPK Malaysia. <http://jpkmalaysia.com/cabarannya-pembelajaran-online-cadangan-mengatasinya/>
- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif in *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012* at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012. Organized by Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021, Julai 12). *Manual pengajaran dan pembelajaran di rumah*. <https://www.moe.gov.my/en/pemberitahuan/announcement/manual-pdpdr>.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021, Julai 12). *Standard Guru Malaysia 2.0*. <https://www.moe.gov.my/en/pemberitahuan/announcement/sgm-2>.
- Meriam, S.B. (1998). *Qualitative research and case study: Application in education, revised and expended from case study research in education*. Jossey-Bass.
- Mohamed, S. A. & Shamsuddin, M. (2020, September 11). *Google classroom sebagai sistem pengurusan pembelajaran (LMS) mod atas talian untuk pengajaran dan pembelajaran matematik sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP)*. <https://appspenang.uitm.edu.my/buletin%20jskm>.
- Muhammad, A. B., Abdullah, A. H. B., Suratman, A. S. B., Jasmi, K. A. B., & Mustari, M. I. B. (2007). *Tahap profesionalisme guru-guru pelatih pendidikan Islam dalam latihan praktikum*. Research report, Pusat Pengajian Islam Dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mustapa, S. I. S. (2013). Amalan bimbingan pengajaran pensyarah dan guru pembimbing dalam program mentoring praktikum serta impaknya terhadap kualiti guru pelatih (Practice guidance lecturer teaching and teacher mentor in mentoring program practicum and the impact on the quality. *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 38(1), 71-78.

- Nik Abdullah, N. M. S. A. (2020). Norma baharu: Cabaran pengajaran digital secara maya pasca COVID-19. Universiti Islam AntarabangsaMalaysia (IIUM). *Seminar kebangsaan majlis dekan pendidikan universiti awam Malaysia 2020*, on-line. <http://irep.iium.edu.my/87346/>.
- Ornstein, A. C. & Levine, D. V. (1993). *Foundations of education*. Houghton Miflin Company.
- Pusat Pembangunan Akademik. (2017). *Buku panduan akademik program ijazah sarjana muda dengan kepujian*. Institut Pendidikan Guru Cyberjaya.
- Sabilan, S., Ishak, M. F., Mohamed Lip, S., Rashed, Z. N., Kusut, R., Sulaiman, S. H., & Mohni, S. N. (2015). Tahap kesesuaian matlamat dan hasil pembelajaran kursus praktikum (latihan mengajar) kendalian fakulti pendidikan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) menurut persepsi guru-guru pelatih: Satu tinjauan awal. *Tinta Artikulasi Membina Ummah 1*(1), 118-128.
- Salleh, M. (2016). *Keberkesanan latihan praktikum berasaskan kepada perkembangan identiti profesional guru pelatih di institut pendidikan guru Malaysia (IPGM)* (Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Sains Malaysia.
- Wan Y. S. (2020). *Pendidikan sepanjang krisis COVID-19*. <https://www.ideas.org.my/pendidikan-sepanjang-krisis-COVID-19/>. World Health Organization. (2021, Julai 12). *About coronavirus disease (COVID-19)*. [https://www.who.int/health-topics/coronavirus#tab=tab\\_1](https://www.who.int/health-topics/coronavirus#tab=tab_1).